

Pingat emas tetap sasaran 4x400m

Oleh **ZAZALI JAMIAN**

sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Sungguh pun terpaksa mengorbankan dua daripada tujuh pelari 4x400 meter (m) lelaki untuk ke Sukan SEA 2013, Myanmar hujung tahun ini namun sasaran pingat emas kuartet tersebut tetap tidak terjejas.

Ketua jurulatih acara pecut Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), K. Jayabalan berkata, keputusan menggugurkan dua atlet terpaksa dibuat kerana Majlis Olimpik Malaysia (MOM) hanya membenarkan lima nama sahaja disenaraikan dalam acara 4x400m.

Kata Jayabalan, keputusan tersebut dibuat pada mesyuarat bersama pihak pengurusan tertinggi KOM, semalam.

Lima pelari yang akan ke Sukan SEA 2013 ialah S. Kannathasan, Mohamad Arif Zulhilmi Alet, Schzuan Ahmad Rosely, P.Yuvaraaj dan Kwong Kar Jun.

Manakala dua atlet yang terpaksa digugurkan ialah Anchois Aron dan Muhammad Firdaus Kimleh.

"Ini adalah keputusan yang sukar kerana semua tujuh atlet tersebut mempunyai kekuatan tersendiri, namun kami perlu akur dengan kehendak MOM yang hanya membenarkan lima atlet sahaja berada dalam pasukan 4x400m.

"Bagi saya lima pelari yang terpilih ini adalah antara yang terbaik, malah masing-masing

mempunyai catatan masa sekitar 47 saat.

"Kuatert yang ada ini juga akan diuji pada Kejohanan Terbuka Brunei pada hujung bulan ini.

"Saya percaya gandingan ini mampu menghadiahkan emas buat negara di Temasya Myanmar jika setiap daripada mereka dapat mengekalkan prestasi konsisten," katanya di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil, sini, semalam.


KOM perlu menghantar senarai nama atlet untuk Sukan SEA 2013 selewat-lewatnya hari ini kepada MOM.

Sementara itu, Jayabalan turut memberitahu, keputusan KOM membatalkan kem latihan pusat olahraga di Terengganu dan menukarnya di MSN Bukit Jalil disambut baik oleh semua atlet dan jurulatih.

Katanya, kebanyakan atlet mempunyai komitmen sendiri terutama yang masih dalam pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

"KOM telah menerima pandangan jurulatih untuk mengadakan kem latihan pusat di sini dengan baik, malah fasiliti di Bukit Jalil juga mencukupi buat atlet olahraga.

"Jika mereka meneruskan juga latihan pusat di Terengganu mungkin sedikit sebanyak akan menyebabkan atlet yang sedang dalam pengajian terpaksa menanggungkan sesi pembelajaran mereka," jelas Jayabalan.



(DARI KIRI) Kar Jun, S. Kannathasan dan Schzuan Ahmad Rosely menjalani latihan persiapan ke Sukan SEA Myanmar di Padang Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI